

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

*Ikhwān al-Ṣafā'*

“Tiap-tiap seseorang yang mengucap buah kalam pujangga-pujangga Islam dari salah satu gelanggang perjuangan .... tidak boleh tidak akan merasa takjub dan terharu melihat kesungguhan mereka meneruskan langkah dalam arah yang telah mereka pilih, dan betapa beraninya mereka menerima semua natijah dari mazhab mereka masing-masing. Pendirian yang bersifat hambar, panas tidak, dingin tak tentu, amat asing pada sisi mereka.”

Demikian Tuan Muhammad Natsir Pemimpin Islam yang terkenal menggambarkan perdirian dan hasil peninggalan “*Ikhwān al-Ṣafā'*” suatu kumpulan ahli-ahli falsafah Islam yang sangat berpengaruh dan banyak jasanya dalam perkembangan kebudayaan Islam – P. Q.

(oleh : Muhammad Natsir)

## Pendahuluan.

Ditilik dari peninjauan aliran rohani dan tamadun, adalah zaman Rasulullah (SAW) dan *Khulafa'* *Al-Rāshidīn* satu zaman yang tenang dan aman sentosa. Zaman keimanan yang sederhana dan suci murni, yang telah menerbitkan satu kekuatan yang positif (tentu – p.), keberanian yang tahan uji dalam sanubari tentera Allah yang mukmin.

Keteguhan dan ketegasan khalifah memegang kemudi, keberanian ribuan laskar yang menyerbu ke medan peperangan, menentang musuh yang lebih besar berlipat ganda, keberanian yang terbit dari “tawakal” yang takbir goyang, semua berdasarkan kepada kalam Allah *subḥānahu wa ta 'ālā*.

“Tak ada satu pun yang menimpa kita, selain daripada apa yang telah ditetapkan Allah untuk kita, Dia itu penguasa kita dan kepada Allah orang yang beriman hendaklah bertawakal.” (51, *Al-Tawbah*).

Maka dari tawakal yang demikianlah telah lahir satu

kekuatan beramal pada sisi kaum Muslimin yang maha hebat dan menggemparkan dunia. Pada zaman itu tak ada kesempatan bermenung, tak ada waktu untuk *munāẓarah*, beralasan hujah.

Akan tetapi kemudian, dalam pertukaran zaman *Khulafa'* *al-Rāshidīn* dengan zaman Muawiyah maka sanubari kaum Muslimin yang tadinya ibarat satu telaga yang hening dan tenang, mulailah beriak, berombak, kemudian bergelombang dengan hebatnya seakan-akan dihembus oleh angin gerakan rohani, yang makin lama makin keras dan kencang juga.

Masalah “qadak” dan “qadar” mulai menggongangkan fikiran kaum Muslimin. Timbul pula masalah “khalifah” yang menyebabkan berdirinya bermacam-macam *firqah*, yang masing-masingnya mendasarkan cita-cita politik mereka kepada salah satu keyakinan yang bersifat falsafah dan keagamaan.

Pergaulan yang lebih rapat antara kaum Muslimin dan Nasrani dalam zaman Bani Umayah tidak kurang pula meninggalkan *ta 'thir* (bekas) dalam aliran fikiran kaum Muslimin, dengan berupa pembahasan bermacam-macam masalah yang

berhubung dengan akidah dan ketuhanan. Pada permulaan abad kedua hijrah, mulailah timbul satu aliran rohani yang dikerahkan oleh satu mazhab yang terkenal dengan nama “Muktazilah”, didirikan oleh Wāṣl Bin ‘Aṭā’, yang lahir tahun 80 H., murid dari seorang ulama yang masyhur : Ḥasan Al-Baṣrī.

Melihat kepada cara-cara dan hujah mereka dalam membahas masalah-masalah ketuhanan (ilmu al-kalam) pernah ahli-ahli sejarah barat menggelarkan mereka dengan “rasionalis” dalam Islam, malahan ada yang menambahkan dengan gelaran “free thinker”.

Sebagaimana tiap-tiap aksi (perbuatan – P) berjumpa dengan reaksi (kesan balasnya – P.), demikian pulalah aliran fikiran ini mendapat tentangan yang keras pula dari kalangan ulama yang teguh berpegang kepada Quran dan sunah semata. Terjadilah perjuangan yang amat sengit dalam lapangan rohani, yang tidak kurang pula meminta korban yang bukan sedikit, sampai permulaan abad keempat hijrah. Pada permulaan abad keempat hijrah ini datanglah “al-Imam al-Ash’arī” yang telah mendalmi perjuangan kedua-dua mazhab tersebut, dan mencuba mengetengahi perjuangan rohani itu dengan mendirikan suatu mazhab yang “menengah”.

Apabila kaum Muktazilah berpegang teguh kepada akal yang merdeka, dan mazhab ahli al-sunah menundukkan semua faham dan keyakinan kepada Quran dan sunah nabi semata-mata dengan hampir tidak memberi tempat kepada akal untuk menafsirkan dan memahamkannya, maka disamping itu berdirilah satu aliran yang ketiga, yakni yang tidak puas dengan keterangan Quran dan sunah sebagaimana yang lahir itu sahaja, tetapi tidak pula hendak memberi kemerdekaan kepada “akal sebagai alat pencari kebenaran”, akan tetapi menundukkan semua gerak-geri rohani dan jasmani mereka kepada “perasaan yang khusyuk”

dan rindu kepada Allah *subḥanahu wa ta’ālā*.

Aliran yang ketiga ini, ialah yang dituruti oleh “ahli tasawuf” yang semakin lama semakin banyak cabang dan cawangan dan semakin jauh pula dari pokok yang asal. Di sini pun tak kurang pula berlakunya perjuangan yang sengit. Apabila Imam al-Ash’ari boleh dipandang sebagai “pendamaikan” mazhab Muktazilah dengan ahli al-Sunah wal Jamaah, maka adalah Imam Ghazālī yang mendapat gelaran “*Hujjatul Islam*”, mempertemukan kembali ahli tasawuf dengan ahil al-Sunah wal Jamaah.

Dalam pada itu, pada zaman itu pulalah (lebih kurang 750 sampai 1000 M.) kaum Muslimin belajar kenal dengan hasil tamadun bangsa-bangsa lain seperti bangsa Yunani, India, Parsi dan lain-lain. Maka berdirilah pula beberapa putera Islam yang mempelajari, membahas dan meneruskan penyelidikan dalam lingkungan falsafah bangsa-bangsa tersebut, dimulai oleh “al-Kindī”, diteruskan oleh “al-Fārābī” dilengkapkan pula oleh “Ibn Sīnā”.

Setelah Imam Ghazālī menyiarkan kitabnya yang masyhur dengan nama “*Tahāfat Al-Falasifah*” (Kesesatan Ahli Falsafah) seakan-akan terhentilah kegiatan perjuangan rohani dalam dunia Islam di sebelah Mashriq berpindah ke Maghribi. Ibn Bājjah, Ibu Ṭufaīl dan Ibn Rushd berdiri di gelanggang “falsafah”. Muhyī al-dīn Ibn Al-‘Arabī dan lain-lain berdiri di gelanggang “tasawuf”, Ibn Ḥazm berdiri tegak mempertahankan kesucian Islam dari bermacam-macam faham dari luar, baik pun dari agama Nasrani dan Yahudi, atau pun dari bawah khayal tasawuf yang berlebih-lebihan, begitu dari falsafah yang tak mungkin sesuai dengan ajaran Islam.

Di sini bukan maksud kita hendak menuruti langkah semua aliran dan mazhab itu. Kita terangkan sebagai pendahuluan sekadar menggambarkan betapa suburnya kehidupan rohani dalam dunia Islam pada

zaman keemasannya itu.

Tiap-tiap seorang yang mengucap buah kalam pujangga-pujangga Muslimin dari salah satu gelanggang perjuangan tersebut (yang mana pun juga), tidak boleh tidak akan merasa takjub dan akan terharu melihatkan kesungguhan mereka meneruskan langkah dalam arah yang telah mereka pilih, dan betapa beraninya mereka menerima semua natijah dari mazhab mereka masing-masing. Pendirian yang bersifat hambar, panas tidak, dingin tak tentu, amat asing pada sisi mereka.

Mereka bentangkan faham dan keyakinan mereka supaya diketahui orang, mereka pertahankan dengan sekutu-kuatnya bila mendapat bantahan. Maka dalam perjuangan yang begitu sengit itu mereka mendapat kekalahan atau kemenangan. Dan tak kurang pula yang jadi korban. Tak kurang pula faham yang tertolak kerana kenyataan keliru. Begitupun tak kurang keyakinan dan faham yang berdiri teguh diperpegangi oleh kawan dan diterima oleh lawan kerana terbukti kebenaranya. Dan hasil dari semua perjuangan itu ialah kekuatan dan ketajaman rohani yang sukar pula dicari tandingannya dalam sejarah tamadun dan kebudayaan sampai sekarang.

Maka adalah mazhab falsafah agama Islam yang hendak kita perbincangkan di bawah ini, menduduki satu tempat yang tertentu pula dalam gelanggang perjuangan rohani dalam abad keemasan kaum Muslimin tersebut. Hampir semua lapangan mereka jejak, dari falsafah kepada tasawuf, dari ilmu al-Kalam sampai kepada ilmu alam.

### “Ikhwān al-Ṣafā”

Pada pertengahan abad keempat hijrah, kira-kira bersamaan zaman *Al-Fārābī* adalah satu kumpulan ahli falsafah di negeri Basrah yang bernama “*Ikhwān Al-Ṣafā*”, ertiinya “persaudaraan kesucian”, yang telah meninggalkan

bekas yang amat berharga dalam riwayat kebudayaan Islam.

Berhadapan dengan reaksi (kesan balas – p) yang amat keras dari pihak yang berkuasa pada masa itu, yang tidak setuju dengan beberapa perkara daripada iktikad mereka, maka “*Ikhwān al-Ṣafā*” ini terpaksa bekerja dengan rahsia, berkumpul dengan diam-diam memperbincangkan falsafah dengan bermacam cabang dan cawangan, baik pun falsafah dari Yunani, atau pun dari Parsi dan India, sehingga mereka mendirikan satu mazhab tersendiri. Dari anggota-anggota “perkumpulan rahsia” ini lima orang yang lebih terkenal iaitu :

1. Abu Sulāmān Muhammed Bin Ma’shar Al-Bistī, al-Maqdīsī.
2. Abu Al-Ḥasan ‘Ali Bin Hārun al-Zanjānī.
3. Abu Ahmad al-Mihrajānī.
4. ‘Awfi
5. Zayd Bin Rafa’ah

Seperti juga halnya dengan filsuf al-Kindī, perkumpulan *Ikhwān al-Ṣafā* ini amat giat mengumpulkan dan menyusun semua ilmu yang ada pada zaman itu dengan berupa ensiklopedia.

Kesimpulan asas mazhab mereka ialah :

“Bahawa syariat agama Islam yang suci itu pada zaman mereka, sudah dimasukkan oleh kejahilan dan bercampur dengan kekeliruan orang-orang Islam sendiri ; dan yang sebaik-baiknya jalan – menurut pandangan mereka – untuk memahamkan ajaran-ajaran Islam yang asli, ialah dengan perantaraan falsafah”. (Tarikh Falsafah Al-Islam : muka 253).

### Pertubuhan “*Ikhwān al-Ṣafā*”

Persaudaraan tersebut diwajibkan berkumpul pada majlis-majlis yang tertutup, tidak boleh dihadiri yang bukan

menjadi “anggota” dalam majlis-majlis yang demikianlah mereka membahas dan mengupas ilmu yang mungkin mereka capai pada zaman itu, dengan tidak membatasi, apa macamnya ilmu dan sifatnya ilmu itu. Dari ilmu “alam madah” yang terbentang luas dengan segala macam dan warnanya sampai kepada ilmu ketuhanan ; dari ilmu akhlak sampai ke ilmu falak ; dari mantik, falsafah sampai ke permenungan tafsir.

Pun sumber tempat mengambil pengetahuan tersebut, tidak pula mereka batasi; dari kitab-kitab hikmah dan falsafah Yunani, India dan Parsi; dari “kitab” alam madah yang terbentang luas dengan beraneka macam dan warnanya di hadapan dikeliling tiap-tiap seorang yang suka “membaca”nya; dari wahyu Ilahi dan sabda pesuruhNya yang telah diturunkan oleh Yang Maha Mengetahui dan Maha Hakim ; dari ilham yang suci, yang tidak dikurniakan Ilahi melainkan hanya kepada rohani-rohani yang murni dan kudus dari hamba-hamba-Nya.

Semua anggota dilarang menjauhi ilmu, atau salah satu dari ilmu, kerana mereka sudah dalam ilmu di dada ; dilarang menolak salah satu kitab, kerana merasa sudah banyak kitab yang dibaca ; dilarang bertaksub kepada salah satu mazhab, kerana hanya itu yang sesuai dengan kehendak hati ; dilarang memutuskan salah satu hukum atas sesuatu hal, bila hanya didasarkan kepada pendengaran dari jauh atau penglihatan sepintas lalu ....

## Syarat-Syarat Masuk

Bukan mudah masuk menjadi anggota Ikhwan itu. Dilihat benar dahulu sifat dan tabiat yang akan menjadi “saudara” itu, diselidiki akhlak dan iktikadnya. Dengarkanlah sebahagian dari peraturan yang diberikan kepada “saudara-saudara” yang telah berada dalam ikatan persaudaraan tersebut.

“Ketahuilah bahawa yang seburuk-buruk pergaulan, ialah

bergaul dengan orang yang tak percaya kepada *yawmī al-hisāb*, dan sejahat-jahat akhlak ialah sifat takbur iblis, hawa nafsu Adam, dan kedengkian Qabil. Yang demikian itu ialah pucuk semua maksiat .....

“Maka haruslah, apabila engkau hendak seorang sahabat atau saudara, engkau banding dan periksa ia lebih dahulu, ibarat engkau menderingkan dirham dan dinar, sebelum engkau menerimanya”.

Pada beberapa tempat dalam peraturan itu terbayang juga pertentangan yang hebat antara mereka dengan ulama-ulama yang tidak sefaham :

“... dan ketahuilah bahawa dunia ada beberapa kaum yang menyerupai ahli ilmu dan menyerupai ahli agama ; akan tetapi tidak ada falsafah dan hikmah yang mereka ketahui, tak ada ‘aqaid dan syariat-syariat yang mereka dalami ; dalam pada itu mereka mendakwakan diri mereka mengetahui akan hakikat tiap-tiap sesuatu. Mereka mendalami rahsia barang-barang yang jauh-jauh, pada hal mereka tidak mengetahui selok-belok diri mereka sendiri yang lebih hampir pada sisi mereka, tidak mereka sanggup memperbandingkan barang-barang yang terang dan jelas, tidak mereka memikir-mikirkan barang-barang yang nyata iaitu dikeliling mereka, yang dapat dialami oleh pancaindera, dan dapat dicapai dengan akal. Dalam pada itu mereka berputih mata memandang kepada barang yang kecil-kecil yang tak ada erti. Maka singkirilah mereka itu, wahai saudaraku, kerana mereka itulah kaum Dajal.” (*Tarikh Falsafah al-Islam* : muka 260).

## Seruan Kepada Pemuda

Sungguhpun perkumpulan “*Ikhwān al-Šafā*” ini bekerja dengan diam, dan mengadakan satu disiplin yang keras antara anggota-anggotanya, tidaklah dapat disamakan sikap mereka dengan sikap perkumpulan-perkumpulan tarekat yang kerap kali mengasingkan diri dari pergaulan hidup,

memutuskan perhubungan sama sekali dengan kehidupan dunia. *Ikhwān al-Ṣafā'* tetap memperhubungkan diri dengan semua hal ehwal keduniaan, bercita-cita dan berhemat yang besar memperbaiki nasib sesama manusia. Denganlah pula sedikit seruan “saudara-saudara” yang terhormat itu kepada pemuda-pemuda angkatan baharu dalam zaman mereka :

“... oleh kerana itu, wahai saudara-saudara, janganlah engkau menghabiskan masa dengan mencuba memperbaiki keadaan mereka yang telah tua bangka, yang tak ada berkudrat lagi itu. Mereka mempunyai keyakinan, bahawa dari pihak golongan pemuda tak ada yang akan terdengar, melainkan hanya pemandangan-pemandangan yang merosak, kelakuan-kelakuan yang jahat, akhlak yang keji. Mereka itu akan menyusahkan pekerjaanmu, akan tetapi mereka tidak akan berubah menjadi baik. Akan tetapi, atas pundakmu (bahumu – P.) terletaknya satu kewajipan, yakni untuk membuktikan bahawa sesungguhnya engkau ini seorang pemuda yang sanubari suci dan sihat. Dan ketahuilah, bahawa sesungguhnya Allah tidak mengutus akan nabi-Nya melainkan waktu dia bersemangat dan bertenaga muda belia.

“Dengarkan firman Allah *subḥānahu wa ta'ālā* di dalam surah *al-Kahfi*, tentang pemuda-pemuda yang beriman teguh, dan membawa perubahan baik bagi kaumnya : “Sungguhnya mereka adalah segolongan pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka ..” (13, *al-Kahfi*).

Dan di dalam surah *al-Anbiyā'* :

“Mereka berkata : Kami mendengar seorang pemuda yang mencela (patung-patung) itu yang dipanggil orang dia dengan nama Ibrahim ...” (60, *al-Anbiyā'*).

Demikian seruan ahli-ahli falsafah ini terhadap pemuda-pemuda mereka dalam abad kesepuluh. Akan tetapi, mudah-mudahan masih “moden” terdengarnya seruan itu bagi pemuda-pemuda kita, angkatan baharu dalam abad ke dua puluh ini!

## Buah Qalam Mereka

Tidak kurang dari 52 risalah besar kecil yang telah mereka susun, yang mereka namai : “*Rasā'il Ikhwān al-Ṣafā'*” sedangkan nama pengarang bagi masing-masing kitab itu, mereka rahsiakan.

Ada pun masalah-masalah yang mereka perbincangkan itu dapat dibahagikan atas empat bahagian besar :

- 1) 14 buah risalah tentang matematik (ilmu hisab, *al-Riyādiāt* – p) dan yang berhubung dengan itu.
- 2) 17 buah risalah tentang ilmu alam dan yang berhubung dengannya.
- 3) 10 buah risalah tentang ilmu jiwa dan yang berhubung dengannya.
- 4) 11 buah risalah tentang ilmu ketuhanan dan yang berhubung dengannya.


## Mikrokosmos Dan Makrokosmos

Perbandingan dan perhubungan antara manusia dan alam sekelilingnya adalah satu masalah yang pernah menjadi pokok pembahasan oleh filsuf-filsuf Yunani, terkenal dengan nama “mikrokosmos”, dan “makrokosmos” dan yang bertemu pula kembali pada filsuf Islam Ibnu Sīnā, yang pernah berkata :

“Sungguhnya dalam diri manusia itu terkandung alam yang besar”. *Ikhwān al-Ṣafā'* memperbincangkan masalah ini dalam satu risalah mereka yang bernama : “Risalah yang menerangkan makna kata ahli hikmah bahawa alam itu ialah satu manusia yang besar”. (barangkali lebih tepat jika dikata : manusia suatu alam yang besar – p).

Penulis risalah tersebut antara lain berkata :

“Adapun yang dimaksud oleh hukama’ itu dengan alam, ialah langit dan bumi dan semua yang ada di antara keduanya. Mereka berpendapat bahawa di antara semua bahagian-bahagian alam tersebut ada perhubungan yang rapat, malah berjalin



*“Islam Sri Ayutthaya” ... demikian namanya sekolah ini yang dibina oleh umat Islam di Siam. Letaknya di Khuang Takian Karankawa Ayutthaya. Sekolah inilah yang tinggi sekali pelajaran-pelajaran Islamnya di negeri Siam iaitu Arab, Siam dan Inggeris.*

*Demikian menurut keterangan Tuan Shakrani Bin Haji Abdul Hamid, Jarifa, Bang Nara, Siam – pengirimnya.*

berkelindan antara satu dengan yang lain. Semua mempunyai semangat yang satu, masuk meresap ke dalam semua bahagian, dari yang terbesar sampai kepada yang sekecil-kecilnya. Segala pergerakan dan perubahan yang berlalu dalam alam cakerawala yang maha besar itu bertemu pula “gambar” dan tamsilannya dalam “alam saghir” yakni dalam diri seorang manusia. *Wāllāhu ă’lam bîl șawâb !*

Maka kira-kira 900 tahun sesudah Ikhwān al-Ṣafā' memperbincangkan masalah ini, bangunlah seorang filsuf barat iaitu “Herbert Spencer” (Herbert Spencer) 1820-1903, yang membentangkan “ontwikkelings theorie-nya” yang terkenal, yang menunjukkan persamaan yang ada di antara

sejarah jalan kemajuan yang harus ditempuh oleh seorang manusia (jasmani atau pun rohaninya) dengan tingkat-tingkat perubahan yang harus ditempuh oleh manusia semuanya, ya, oleh tiap-tiap bahagian cakerawala yang mengelilinginya.

Teori yang dikemukakan oleh Spencer ini ialah satu “penciptaan yang amat gemerlap” menurut penghargaan ahli filsuf barat sekarang.

“Dapatlah kita katakan sekarang, bahawa tak ada satu pun lapangan ilmu pengetahuan yang tidak mendapat pengaruh dari kaedah evolusi (Spencer) ini.” Kata Profesor Kasmir, selanjutnya.

Kita sekali-sekali tidak hendak mengurangkan penghargaan terhadap kepada pujangga barat Spencer. Hanya kita hendak mengemukakan bahawa langkah pantasnya (sesuai, layak – P.), bila di waktu orang menghormati dan menghargai jasa filsuf barat ini, tidak dilupakan pula buah usaha beberapa “ikhwan”, sembilan kurun yang lalu, yang tak suka dikenal orang namanya itu. Kalau tidak selaku satu “penciptaan yang gemerlap”, sekurang-kurangnya selaku satu kaitan dari rutin yang panjang yang telah dilalui oleh evolusi (kemajuan setapak demi setapak – P.) ini.

Dengan rencana yang pendek ini, sekali-sekali penulis tidak mengatakan bahawa ia telah merasa memberi gambar yang lengkap dari usaha-usaha “*Ikhwān al-Ṣafā'*” tersebut, tidak! – yang dimaksud tidak lebih dari “memanggil” minat yang pertama dari pihak pemuda Muslimin angkatan baharu, terhadap kepada kegiatan Muslimin dahulu kala dalam zaman keemasan itu, di lapangan rohani. Bagi mereka ini kita ulangkan sebagai penutup, seruan *Ikhwān al-Ṣafā'* kepada pemuda-pemuda Islam : Buktikanlah bahawa kamu ada mempunyai kebatinan yang teguh dan sihat!